

Isu-Isu Kependudukan dan Migrasi di Malaysia

Oleh

Usman Hj. Yaakob & Tarmiji Masron

Bahagian Geografi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang

Kertas kerja ini akan membincangkan isu-isu penting yang berkaitan dengan perkembangan dan pertumbuhan penduduk di Malaysia sejak tahun 1950an hingga sekarang. Di antara isu-isu penting adalah yang berkaitan dengan perubahan struktur umur, pertumbuhan penduduk, kesuburan, kematian dan migrasi yang berlaku sepanjang tempoh tersebut. Menyedari perkembangan kependudukan yang semakin pesat sekarang ini kertas kerja ini juga akan memberi fokus kepada isu-isu penduduk yang dijangka akan berlaku di masa akan datang terutamanya isu-isu baru yang akan timbul akibat daripada perubahan demografi dan pasaran buruh Asia serta kebanjiran pekerja asing di Malaysia. Akhirnya kertas kerja ini akan mengusulkan beberapa langkah yang proaktif bagi menangani isu-isu kependudukan dan migrasi yang semakin penting dalam konteks perkembangan sosio-ekonomi dan politik Malaysia dalam rantau ASEAN dan global.

Pendahuluan

Sejak lebih daripada lima dekad yang lalu, komposisi penduduk Malaysia telah berubah baik daripada segi kadar kelahiran, struktur umur dan jantina, kadar kematian dan penghijrahan. Ini menunjukkan walau pun saiz penduduk Malaysia semakin meningkat tetapi akibat kemerosotan kesuburan dan kematian pembentukan saiz keluarga yang lebih sederhana dan kecil semakin diterima masyarakat terutama di kawasan bandar. Peningkatan taraf hidup penduduk terutama dalam bidang pendidikan telah memberi impak yang besar terhadap dinamik penduduk Malaysia pada masa depan.

Sebelum tertubuhnya Negara Malaysia pada tahun 1965, negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah mengalami kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi. Mengikut banci penduduk tahun 1957 jumlah penduduk Semenanjung Malaysia adalah 6.27 juta dengan

kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 3.0 setahun (Jabatan Perangkaan Malaysia 1972). Berdasarkan Jadual 1 kadar pertumbuhan penduduk tahunan purata adalah tinggi iaitu 2.3 peratus (1970-1980), 2.6 peratus 1989-1991 dan 2.6 peratus (1991-2000). Ini merupakan suatu petunjuk yang jelas kepada sesiapa jua bahawa kadar pertumbuhan penduduk adalah tinggi dan berdasarkan kadar ini jumlah penduduk Mlaysia akan berganda dalam tempoh setiap 23 tahun. Berdasarkan situasi sekarang Negara kita Malaysia akan menghadapi pelbagai isu dan permasalahan kependudukan yang memerlukan perancangan sosio-ekonomi, politik dan alam sekitar yang komprehensif dan menyeluruh bagi kebaikan dan kesejahteraan semua pihak negara ini.

Selepas pembentukan Malaysia banci penduduk tahun 1970 bagi telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat dan data mengenai kependudukan bagi tujuan merancang projek-projek pembangunan sosio-ekonomi kepada rakyat. Segala data dan maklumat yang dikumpulkan melalui bancian penduduk ini, telah di gunakan bagi menilai perkembangan dan perubahan penduduk didalam sesebuah negari atau kawasan terutama yang berkaitan dengan taburan penduduk, struktur umur/jantina, migrasi, pendidikan, pekerjaan dan perbandaran. Pola perubahan ini sangat penting bagi menentukan arah aliran perubahan penduduk pada masa hadapan yang biasanya di kaitkan dengan halatuju perkembangan serta kemajuan yang dicapai dalam bidang-bidang perindustrian, pembuatan, pertanian dan perbandaran di seluruh negara. Kebiasaanya negeri yang maju akan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti Wilayah Persektuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, sebaliknya bagi negeri Sabah, Sarawak, dan Pahang Adalah mempunyai kepadatan penduduk yang rendah.

Perubahan Struktur Umur

Struktur umur penduduk dalam sesebuah negara merupakan satu asset yang amat bernilai daripada segi mengklasifikasi stok kuantiti dan kualiti manusia berdasarkan pendidikan tertinggi, perkahwinan, Bandar, luar bandar, pekerjaan, golongan kanak-kanak dan orang tua dan sebagainya. Satu daripada kumpulan penduduk yang penting adalah kanak-kanak yang berumur 10-14 tahun.

JADUAL 1: Saiz Penduduk dan Kadar-kadar Pertumbuhan Penduduk Malaysia 1970 - 2000

NEGERI	PENDUDUK (JUTA)				KADAR PERTUMBUHAN			TABURAN (%)			
	1970	1980	1991	2000	1970-1980	1980-1991	1991-2000	1970	1980	1991	2000
Johor	1,277,180	1,580,435	2,069,740	2,740,625	2.1	2.4	2.6	12.23	12.03	11.78	11.77
Kedah	954,947	1,077,815	1,302,241	1,649,756	1.2	1.7	2.1	9.15	8.20	7.41	7.09
Kelantan	684,738	859,270	1,181,315	1,313,014	2.3	2.9	0.9	6.58	6.54	6.73	5.64
Melaka	404,125	446,769	506,321	635,791	1.0	1.1	2.0	3.87	3.40	2.88	2.73
Negeri Sembilan	481,563	551,442	692,897	859,924	1.3	2.1	1.9	4.61	4.20	3.95	3.69
Pahang	504,945	768,801	1,045,003	1,288,376	4.2	2.8	1.9	4.84	5.85	5.95	5.53
Perak	1,569,139	1,743,655	1,877,471	2,051,236	1.0	0.7	0.9	15.03	13.27	10.69	8.81
Perlis	121,062	144,782	183,824	204,450	1.8	2.2	0.8	1.16	1.10	1.05	0.87
Pulau Pinang	776,124	900,772	1,064,166	1,313,449	1.5	1.5	1.8	7.43	6.89	6.06	5.64
Sabah	636,431	929,299	1,734,685	2,603,485	3.8	5.7	4.0	6.10	7.07	9.88	11.18
Sarawak	976,269	1,235,55	1,642,771	2,071,506	2.4	2.6	2.1	9.35	9.41	9.35	8.90
Selangor	982,090	1,426,250	2,297,159	4,188,876	3.7	4.3	6.1	9.41	10.86	13.08	18.00
Terengganu	405,368	525,255	766,244	898,825	2.6	3.4	1.2	3.88	4.00	4.36	3.86
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	648,276	919,610	1,145,342	1,379,310	3.5	2.0	1.3	6.21	7.00	6.52	5.93
Wilayah Persekutuan Labuan	17,173	26,413	54,241	76,067	4.3	6.5	3.6	0.16	0.20	0.31	0.32
MALAYSIA	10,439,430	13,136,109	17,563,420	23,274,690	2.3	2.6	2.6	100.00	100.00	100.00	100.00

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2000) Laporan Kiraan Permulaan, Kuala Lumpur: 19-20;
 Jabatan Perangkaan Malaysia (2002) Ciri-Ciri Pendidikan Dan Sosial Penduduk, Kuala Lumpur: 1

Berdasarkan banci tahun 1970 jumlah penduduk 0-14 tahun adalah sebanyak 45.0 peratus daripada jumlah penduduk. Kemudian ia menurun kepada 40.0 peratus tahun 1980, 37.0 peratus tahun 1991 dan 33.3 peratus tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1985; 1995 dan 2005). Analisis data penduduk menunjukkan jumlah penduduk 0-14 tahun di Malaysia telah menurun daripada 4,684,500 juta tahun 1970 kepada 3,762,100 juta tahun 2000. Walaubagaimana pun di antara tahun 1970 hingga 1980 jumlah penduduk 0-14 tahun ini sebenarnya telah meningkat kepada 5,195,900 dan namun pada banci penduduk 1991 dan 2000 jumlahnya telah menurun. Ini menyebabkan nisbah tanggungan telah menurun daripada 92 kepada 62 pada tahun 2000 (Jabatan Perangkaan 1983; 2005). Maksud yang hendak ditunjukkan bahawa bebanan yang ditanggung oleh penduduk bekerja (15-64 tahun) ke atas golongan muda (0-14 tahun) dan tua (65 tahun dan atas) telah berkurangan sebanyak 32.6 peratus daripada 92 orang kepada 62 orang. Dengan pengurangan tanggungan kanak-kanak semestinya nisbah tanggungan tua pula yang akan semakin bertambah pada masa depan.

Walaupun pada keseluruhannya penduduk dalam kumpulan umur 0-14 tahun semakin berkurangan tetapi tanggungan jawab kerajaan untuk memastikan mereka ini mendapatkan pendidikan yang sempurna adalah berat. Perbelanjaan Negara yang lebih besar terpaksa disediakan bagi tujuan memberikan kemudahan-kemudahan asas dalam bidang pelajaran, kesihatan, perumahan dan kebajikan dan lain-lain. Dengan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi menyukarkan pihak pemerintah memberikan bantuan yang adil kepada semua penduduk di setiap daerah dan kampung. Masalah pembangunan yang dialami oleh setiap kawasan atau negeri mestilah dapat diselesaikan secara yang terbaik dan dapat memberikan faedah kepada semua penduduk terlibat. Masalah dalam pembangunan sumber manusia mestilah diutamakan kerana kegagalan mewujudkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran akan menimbulkan pelbagai masalah sosial yang berpunca daripada keciciran murid sekolah, prestasi pelajaran yang lemah, ibubapa yang kurang berpendidikan, kemiskinan, buta huruf dan sebagainya.

Perubahan Kesuburan

Kesuburan bermaksud jumlah anak yang dilahirkan oleh seseorang wanita dalam kumpulan umur 15 - 49 tahun. Di Malaysia hanya data kelahiran di negeri-negeri Semenanjung Malaysia sahaja yang dianggap oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai pendaftaran semua kelahiran yang lengkap mengikut kawasan dan etnik. Walaupun begitu Jabatan Perangkaan telah mengambil inisiatif menerbitkan data kelahiran dan kematian bagi Malaysia keseluruhannya sejak tahun 1963.

Berdasarkan Laporan Siri Masa Perangkaan Penting Malaysia 1963-1998 kadar kelahiran kasar di Malaysia telah menurun daripada 38.1 tahun 1963 kepada 24.4 per 1,000 kelahiran hidup tahun 1998 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001:65-66). Dalam tempoh ini kadar kelahiran telah menurun sebanyak 36.9 peratus. Bagi orang Melayu kadar kelahiran kasar menurun daripada 39.0 kepada 28.4 per 1,000 kelahiran hidup kemerosotan sebanyak 27.2 peratus. Kadar kelahiran orang Cina menurun daripada 36.6 kepada 17.6 per 1,000 kelahiran hidup iaitu pengurangan yang ketara sebanyak 51.9 peratus.

Tren kesuburan orang Cina yang semakin merosot adalah disebabkan taraf hidup mereka yang telah meningkat dan keinginan terhadap saiz keluarga yang kecil semakin mendapat sambutan masyarakat Cina di Malaysia terutama yang tinggal di dalam Bandar. Kajian terbaharu mengenai kesuburan orang Cina di Pulau Pinang menunjukkan saiz keluarga purata bagi wanita berkahwin di negeri ini dalam kumpulan umur 15-49 tahun adalah 2.1 kelahiran setiap wanita (Heah Sim Hai 2007). Kemerosotan kesuburan orang Cina akan memberi impak yang kuat terhadap perubahan struktur umur dimana jumlah penduduk tua akan meningkat berbanding dengan jumlah penduduk 0-14 tahun yang semakin berkurangan. .

Berdasarkan laporan Perangkaan Penting Malaysia 2003 menunjukkan kadar kelahiran Malaysia pada tahun 1999 adalah 23.9 dan 22.6 per 1,000 penduduk tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001). Seterusnya dalam tempoh yang sama juga kadar kelahiran kasar orang Melayu adalah 27.6 dan 25.3 per 1,000 penduduk. Manakala orang Cina

17.0 dan 19.7 per 1,000 penduduk. Bagi orang India 21.7 dan 20.8 per 1,000 penduduk. Bumiputera lain adalah 27.0 dan 23.0 per 1,000 penduduk. Pada keseluruhannya paras kesuburan di Malaysia pada umumnya masih tinggi terutama di kalangan orang Melayu dan Bumiputera Lain. Situasi ini akan memberikan impak yang besar terhadap momentum penduduk di Malaysia yang dijangka akan berlaku dalam tempoh sekurang-kurang 50 tahun akan datang. Ia memberi petunjuk yang jelas bahawa pertumbuhan penduduk di Malaysia akan berterusan meskipun kadar kesuburan yang ada sekarang semakin menurun yang disebabkan oleh pengaruh sosio-ekonomi yang semakin berkembang di Malaysia sekarang ini.

Perubahan Migrasi

Migrasi merupakan satu proses demografi yang melibatkan perpindahan penduduk daripada satu kawasan kepada kawasan yang lain. Ia merupakan suatu proses pergerakan penduduk yang amat sensitive terhadap perkembangan sosio-ekonomi sesebuah kawasan. Sejak kebelakangan ini migrasi semakin penting dalam dunia moden terutama sumbangannya terhadap urbanisasi dan perindustrian. Di Malaysia bandaraya Kuala Lumpur merupakan bandar besar yang menerima ramai migrant daripada seluruh negeri. Satu perubahan penting tren migrasi di Malaysia adalah perubahan penghijrahan penduduk daripada luar Bandar ke Bandar kepada Bandar ke Bandar sekarang ini. Perubahan aliran pergerakan penduduk Malaysia telah menyebabkan perkembangan bandar-bandar utama dengan jumlah pertumbuhan penduduk yang semakin pesat. Pada keseluruhannya jumlah penduduk bandar di Malaysia telah meningkat daripada 28.4 peratus tahun 1970 kepada 61.8 peratus tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001). Jumlah penduduk bandar bertambah daripada 2.96 juta kepada 13.72 juta dalam tempoh tersebut.

Analisis data migrasi penduduk Malaysia sejak tahun 1980 telah menunjukkan migrasi Bandar ke Bandar semakin meningkat. Pada tahun 1980 hanya 21.0 peratus telah meningkat kepada 63.2 peratus tahun 2000 (Jadual 2). Sementara migrasi daripada luar Bandar ke luar Bandar telah menurun daripada 45.0 peratus kepada 10.0 peratus dalam tempoh tersebut. Perubahan pola migrasi penduduk ini memberi petunjuk yang jelas

bahawa kecederungan pemerintah mengadoptasi 'global' bertujuan mempromosi pertumbuhan ekonomi telah memberikan implikasi penting kepada migrasi dan taburan penduduk. Situasi pelabur yang semakin bersaing bagi menentukan pelaburan mereka, keputusan untuk memilih lokasi pelaburan telah mempengaruhi migrasi dalaman dan anatarabangsa. Sekarang ini pemilihan lokasi adalah ditentukan oleh 'competitive advantages' lokasi-lokasi yang berbeza.

Jadual 2 : Migrasi Bandar - Luar Bandar, Malaysia 1980, 1986 - 1991 dan 2000

Bil	Jenis Aliran	1980	1986 - 1991	2000
1	Bandar - Bandar	21.0	50.1	63.2
2	Bandar - Luar Bandar	18.0	20.7	9.2
3	Luar Bandar - Bandar	16.0	17.1	17.6
4	Luar Bandar - Luar Bandar	45.0	12.1	10.0
Jumlah		100.0	100.0	100.0
Bilangan migran		954,200	1,024,500	3,328,485

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 1983; 1995 & 2004

Proses pemilihan lokasi yang sebegini telah memberikan kesan kepada ketidakseimbangan antara wilayah dan taburan penduduk. Berdasarkan data migrasi tahun 2000, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang merekodkan aliran migrasi Bandar ke Bandar yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Bagi tiga buah negeri tersebut migrasi Bandar ke Bandar adalah 95.4, 88.6 dan 78.9 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia 2004). Tiga buah negeri yang rendah migrasi Bandar ke Bandar adalah Perlis (36.7 peratus), Kelantan (38.0 peratus) dan Kedah 46.0 peratus. Perangkaan ini menunjukkan tiga buah negeri merekodkan kemasukan migrasi daripada Bandar ke Bandar yang paling ramai. Ketiga-tiga buah negeri ini merupakan kawasan perindustrian yang utama di Malaysia daripada segi kemasukan pelaburan asing dan jumlah tenaga buruh.

Akibat daripada kemajuan perindustrian yang begitu maju di Selangor ia berjaya menarik ramai migrant sehingga mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi. Kadar pertumbuhan penduduk meningkat daripada 3.73 peratus bagi tempoh 1970-1980 kepada 4.33 peratus (1980-1991) dan 6.02 peratus (1991-2000)(Jadual 1). Kesan daripada kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi ini taburan penduduk Malaysia yang tinggal di Selangor telah meningkat daripada 13.1 peratus tahun 1991 kepada 17.8 peratus tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001). Ini bermakna daripada segi “competitive advantages” Selangor amat beruntung daripada lokasi terbaik menarik pelabur asing dimana ia dapat menyediakan semua infrastruktur dan kemudahan perbankan, teknikal dan pengurusan sumber manusia bagi menjamin Selangor menjadi kawasan perindustrian yang terkemuka di Malaysia dan rantau Asia.

Berdasarkan perbincangan tentang perubahan-perubahan dalam struktur umur, kesuburan dan migrasi terdapat lima isu yang boleh dihubungkan dengan dasar-dasar pemerintah bagi menangani permasalahan tersebut. Isu-isu tersebut adalah i) momentum penduduk, ii) penduduk belia 15-24 tahun, iii) nisbah tanggungan, iv) pekerja asing dan v) Penuaan Penduduk.

Momentum Penduduk

Momentum dalam pertumbuhan penduduk disesebuah Negara seperti Malaysia amat bergantung intraksi di antara pola kesuburan dan mortaliti dengan struktur umur. Terdapat dua jenis momentum pertumbuhan penduduk iaitu positif dan negatif. Faktor penting dalam momentum positif adalah suatu struktur umur yang sangat diberatkan oleh golongan muda maksudnya 0-14 tahun menggambarkan kesuburan yang tinggi pada masa yang lampau. Oleh itu ramai wanita dalam kumpulan umur yang boleh melahirkan anak (15-49 tahun) akan diserapkan dalam penduduk bagi beberapa tahun yang akan datang. Jadi, dalam konteks momentum pertumbuhan penduduk yang positif dalam tempoh tertentu meskipun kesuburan semakin menurun sehingga kepada ke paras penggantian (replacement level) namun penduduknya akan terus bertambah dalam beberapa dekad yang akan datang.

Mengikut kajian walaupun setiap wanita mempunyai dua orang anak tetapi apabila jumlah wanita dalam kumpulan umur boleh melahirkan anak adalah banyak maka ia mencukupi untuk menghasilkan kadar pertumbuhan penduduk yang positif pada masa hadapan. Sebaliknya kohort yang boleh melahirkan anak adalah kecil dan kemungkinannya kumpulan umur yang mortaliti tinggi akan menghasilkan kadar kematian kasar yang tinggi serta diperkuatkannya dengan momentum penduduk yang negatif.

Sejak Negara Malaysia mencapai kemerdekaan, kadar pertumbuhan penduduknya adalah amat positif. Dalam tempoh 30 tahun yang lalu kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia adalah melebihi 2.5 peratus setahun. Sekiranya kadar ini berterusan tempoh masa yang diperlukan oleh negara kita bagi menggandakan jumlah penduduknya adalah setiap 28 tahun. Ini adalah suatu isu besar yang harus diberi perhatian yang serius oleh pihak berwajib supaya segala perancangan awal bagi faedah penduduk yang akan bertambah dapat disediakan mengikut perancangan dan peruntukan yang disediakan.

Pada masa ini Malaysia merupakan sebuah membangun yang masih mempunyai jumlah penduduk 0-14 tahun yang masih tinggi. Berdasarkan banci tahun 2000 jumlah penduduk ini adalah sebanyak 33.3 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003). Mengikut Laporan terbaharu pada tahun 2005 jumlah kanak-kanak adalah sebanyak 32.6 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia sebanyak 26.13 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia 2005a). Ini bermakna lebih daripada empat juta kanak-kanak perempuan akan memasuki umur boleh melahirkan anak secara berperingkat dalam tempoh terdekat bagi yang berumur belasan tahun dan sehinggalah pada 2020 ke atas bagi kanak-kanak perempuan yang baru dilahirkan pada tahun 2005 dan seterusnya (Jadual 3).

Dengan kadar kelahiran kasar 22.6 dan kadar kematian 4.5 per 1,000 penduduk tahun 2000 pertumbuhan penduduk di Malaysia dijangka masih tinggi pada masa hadapan. Mengikut unjuran tinggi Bangsa Bersatu penduduk Malaysia akan meningkat kepada 44.9 juta, penduduk 0-14 tahun sebanyak 24.2 peratus dan 13.1 peratus berumur 65

tahun dan ke atas serta kadar pertumbuhan 1.03 peratus menjelang tahun 2050 akan datang (United Nations 1999). Di Malaysia Tun Dr.Mahathir Mohamad yang melancar dasar 70 juta penduduk pada tahun 1982 menyatakan bahawa Malaysia dapat menampung sebanyak 70 juta penduduk pada tahun tahun 2100 (Dwyer, 1987).

Jadual 3 : Peratusan penduduk mengikut kumpulan umur (tahun)

Negeri	Umur 0 - 14 tahun
Malaysia	32.6
Johor	31.9
Kedah	33.9
Kelantan	39.5
Melaka	32.5
Negeri Sembilan	30.8
Pahang	32.2
Perak	31.3
Perlis	32.9
Pulau Pinang	27.7
Sabah	35.0
Sarawak	33.6
Selangor	31.2
Terengganu	36.4
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	29.9
Wilayah Persekutuan Labuan	35.6

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005

Penduduk Belia (15-24 tahun).

Selain daripada isu momentum penduduk di Malaysia muncul pula isu saiz penduduk belia yang semakin besar. Sejak tiga puluh tahun lalu jumlah penduduk belia di Malaysia telah meningkat daripada 2,004,900 tahun 1970 kepada 2,758,600 (1980), 3, 515, 700 (1991) dan 4,454,200 tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia 1983, 2005). Ini bermakna dalam tempoh tersebut penduduk belia telah bertambah sekali ganda jumlahnya atau pertambahan sebanyak 55.0 peratus peratus. Pertumbuhan penduduk belia yang cepat ini telah mewujudkan ketegangan dan tekanan dalam pelbagai sector terutama memperluaskan lagi pendidikan, kemudahan kesihatan latihan dan pekerjaan

kepada golongan tersebut. Bermaksud lebih banyak peluang pendidikan dan pekerjaan terpaksa diwujudkan kepada graduan yang tamat pengajian daripada lepasan institut pengajian tinggi awam dan swasta. Selain daripada itu pihak kerajaan juga menyedari masalah yang boleh ditimbulkan oleh golongan muda dan belia seperti dadah, HIV/AIDS, merokok dan sebagainya. Semua pihak termasuk pihak swasta seharusnya membantu kerajaan dalam usaha mendidik dan melatih golongan belia ini menjadi generasi muda yang berfaedah kepada negara dan bangsa pada masa hadapan.

Nisbah Tanggungan

Isu ketiga yang ingin diketengahkan adalah nisbah tanggungan iaitu keseimbangan golongan di antara golongan pekerja dengan kanak-kanak dan orang tua. Secara keseluruhannya nisbah tanggungan di Malaysisa telah menurun daripada 92 kepada 59 di antara tahun 1970 dan 2000. Bermakna nisbah tanggungan telah menurun sebanyak 35.9 peratus. Dalam tempoh ini nisbah tanggungan muda telah menurun daripada 86 kepada 61 bagi tempoh yang sama. Manakala nisbah tanggungan tua adalah tidak berubah iaitu 6 bagi tahun 1970 dan 2000. Nampaknya Malaysia setakat ini tidak menghadapi sebarang masalah tentang nisbah tanggungan tua. Walaubagaimana pon pada masa hadapan, Malaysia pasti akan menghadapi masalah nisbah tanggungan tua yang semakin meningkat akibat kemerosotan kesuburan dan ini sudah ia pasti akan menimbulkan pelbagai masalah yang ditimbulkan oleh pertambahan golongan tua tersebut (Jadual 4).

Di Asia Negara China dan Jepun pada masa ini mempunyai nisbah tanggungan muda yang rendah dan tinggi bagi golongan tua yang berumur 65 tahun dan ke atas. Di Jepun pada tahun 2000 nisbah tanggungan muda adalah 27.3 dan tua 24.8. Walaubagaimana pun akibat tahap kesuburan yang rendah nisbah tanggungan muda akan menurun kepada 27.2 manakala nisbah tanggungan tua akan meningkat kepada 38.9. Ini bermakna sebanyak 58.8 peratus daripada beban tanggungan golongan pekerja di Jepun pada tahun 2025 adalah orang tua.

Jadual 4 : Nisbah tanggungan mengikut negeri dan strata, Malaysia, 1970, 1980, 1990 dan 2000

Negeri/strata	Nisbah tanggungan umur											
	Jumlah				Muda				Tua			
	1970	1980	1991	2000	1970	1980	1991	2000	1970	1980	1991	2000
Johor	100	79	65	55	94	73	59	49	6	7	6	6
Kedah	89	77	73	66	84	71	65	58	6	7	8	8
Kelantan	91	88	89	86	84	80	81	77	7	8	8	9
Melaka	100	76	68	59	93	68	59	51	7	8	8	8
Negeri Sembilan	101	80	73	58	94	72	66	51	7	8	7	7
Pahang	91	83	79	63	85	78	74	58	5	6	5	5
Perak	93	80	72	62	87	72	63	53	6	8	9	10
Perlis	80	67	70	66	73	59	62	56	7	8	9	10
Pulau Pinang	80	62	52	47	74	55	45	39	6	7	7	7
Sabah	97	82	73	69	93	78	69	65	4	4	4	4
Sarawak	96	82	68	63	90	76	61	56	6	6	7	7
Selangor	92	69	58	50	87	64	54	46	5	5	5	4
Terengganu	95	86	87	79	89	79	80	72	6	7	7	7
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	73	55	48	40	68	50	43	36	5	5	4	5
Wilayah Persekutuan Labuan	102	69	66	64	98	65	63	61	5	4	3	3
Malaysia	92	76	68	59	86	70	62	53	6	6	6	6
Bandar	77	63	58	53	71	57	53	48	6	6	5	5
Luar Bandar	98	84	79	71	92	77	71	63	6	7	7	8

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2005

Pemerhatian di peringkat negeri menunjukkan terdapat peningkatan nisbah tanggungan tua di negeri-negeri di Malaysia. Terutamanya di Perlis dan Perak. Negeri Perlis meningkat daripada 7 ke 10 dan Perak daripada 6 ke 10 daripada tahun 1970 dan 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2005). Bagi Labuan dan Selangor nisbahnya semakin menurun. Manakala negeri-negeri lain seperti Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak berubah. Buat masa ini kajian tentang kesan pertambahan golongan tua wajar dilakukan di peringkat daerah pentadbiran dan mukim. Mungkin dengan cara ini masalah yang di wujudkan oleh golongan tua lebih ketara dalam suatu lokasi yang lebih kecil. Melalui kajian ini kita akan dapat memerhatikan kehidupan mereka yang lebih dekat dan mengenalpasti segala keperluan yang diperlukan dalam bidang sosio, ekonomi dan juga politik.

Pekerja Asing

Malaysia sejak mencapai kemerdekaan telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Pertama hingga Sembilan. Melalui plan pembangunan tersebut telah berjaya meletakkan negara ini sebagai sebuah negara membangun yang paling berjaya dalam pembangunan sosio-ekonominya. Selain daripada kekayaan sumber alamnya, sektor-sektor perindustrian, pembinaan dan perladangan semakin berkembang maju. Kesan daripada perkembangan ketiga-tiga sektor ini semakin banyak pekerja yang diperlukan sehingga timbul masalah kekurangan tenaga buruh dan oleh itu ramai pekerja asing diperlukan bagi memastikan perkembangan sektor-sektor yang berkenaan tidak terjejas akibat kekurangan tenaga kerja. Pada tahun 2005 terdapat kira-kira 200 juta migrant antarabangsa dan 49.9 juta daripadanya adalah tinggal di Asia (United Nations 2005). Mengikut laporan terbaharu jumlah pekerja asing sebanyak 1.91 juta tidak termasuk 400,000 pendatang tanpa izin.

Kebanjiran migran buruh asing ke Malaysia terutama daripada Indonesia telah berlaku sejak tahun 1980-an dan jumlahnya terus meningkat dengan ketara dan signifikan pada tahun 1990an (McCall 1991; Hugo 1993). Mengikut kajian aliran penghijrahan penduduk akan meningkat pada masa hadapan sekiranya kuasa menolak dan menarik semakin menekan penduduk sesuatu kawasan segera berpindah (Kliot 1995). Ini membawa

maksud sekiranya permasalahan sosio-ekonomi, politik dan persekitaran semakin teruk maka lebih banyak penduduk akan berpindah keluar daripada kawasan-kawasan yang bermasalah. Ini memberi petunjuk sekiranya masalah kemiskinan dan taraf hidup yang rendah tidak dapat dikurangkan dalam sesebuah negara maka penduduknya akan berpindah keluar dan akan berusaha sedaya upaya memasuki Malaysia misalnya untuk mencari pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik untuk dirinya serta keluarga.

Kesediaan Malaysia mengambil pekerja asing bagi menampung kekurangan tenaga manusia telah menimbulkan pelbagai masalah kepada negara dan masyarakat Malaysia. Walau pun begitu menurut laporan The Global Commission on International Migration 2003 migrasi antarabangsa dapat memainkan peranan positif dalam proses pembangunan manusia yang membawa faedah kepada penduduk negara miskin dan kaya (United Nations 2005). Namun begitu, sekiranya pengambilan pekerja asing di buat secara tetap sudah pasti ia akan menimbulkan masalah sosio-ekonomi dan politik yang lebih komplikated dan bagi mengelak pembentukan masyarakat majmuk pelbagai etnik atau heterogeneous seperti mana yang cuba dielak oleh negara-negara Eropah Barat dan Telok (Weiner, 1990).

Pembentukan masyarakat seumpaman ini akan menimbulkan lebih banyak lagi masalah social dan budaya yang boleh mengugat keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia sekarang. Pandangan ini perlu dititikberatkan oleh semua pihak terlibat kerana penghijrahan pendatang tanpa izin akan terus meningkat pada masa hadapan (Rystad, 1992). Malaysia harus bersedia menghadapi sebarang tekanan dan perubahan dalam komposisi tenaga buruh serta dapat meramalkan beberapa insiden yang dijangka akan berlaku akibat kebanjiran pekerja asing yang ramai di negara ini.

Penduduk Menua (Ageing Population)

Penduduk Menua adalah merujuk kepada penduduk berumur 60 atau 65 tahun dan ke atas. Perangkaan penduduk menunjukkan jumlah penduduk tua dunia telah meningkat dengan mendadak daripada 131 juta tahun 1950 kepada 469 juta tahun 2000. Adalah dianggarkan jumlahnya akan meningkat kepada 813 juta tahun 2025 atau kira 10.4

peratus daripada 8.72 bilion penduduk dunia pada tahun tersebut. Di Malaysia jumlah penduduk tua semakin meningkat. Pada tahun 1991 jumlahnya 679,600 orang atau 3.7 peratus meningkat kepada 900,600 atau 3.8 daripada jumlah penduduk pada tahun 2000 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2005). Jumlahnya di jangka meningkat kepada 2.85 juta atau 9.2 peratus daripada 31.0 juta penduduk Malaysia pada tahun tersebut (United Nations 1999).

Salah satu aspek penting dalam permasalahan golongan tua ini adalah aspek 'living arrangement' kehidupan mereka. Barangkali isu yang paling penting sekali yang patut dipertimbangkan bagi golongan ini adalah status masa depan mereka dengan menghormati untuk membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih baik (Knodel dan Debavalya 1992). Kajian di tiga buah Negara Asia iaitu Indonesia, Sri Lanka dan Thailand menunjukkan terdapat tekanan terhadap keluarga bagi menyediakan aspek penjagaan kepada golongan tua (Andrews dan Hennink 1992). Isu ini sepatutnya menjadi sebahagian daripada dasar pembangunan keluarga bagi menjamin penjagaan yang sempurna dan terbaik bagi golongan tersebut. Sistem sokongan keluarga amat penting dilaksanakan di Malaysia untuk memastikan golongan tua mendapat pembelaan dan penjagaan yang terbaik dan terpelihara.

Dalam situasi hari ini penduduk tua dapat digolongkan kepada tiga kumpulan. Pertama individu yang sihat yang dapat menjaga dirinya memerlukan penjagaan perubatan yang minima. Kedua individu yang terhad aktiviti dan mereka memerlukan bantuan untuk ke tandas/mandi dan makan. Penjagaan perubatan dan rawatan yang rendah. Ketiga individu yang sangat memerlukan penjagaan kesihatan dan rawatan perubatan seperti memberi suntikan, membuang air kecil dan makan menggunakan tiub. Kebanyakan mereka adalah terlantar di atas katil (Peggy Teo, 1992). Masyarakat kita sekarang haruslah melihat permasalahan golongan tua ini sebagai suatu tanggungjawab yang wajib dipikul oleh semua pihak terutama anak-anak memelihara atau menjaga ibubapa mereka. Mereka iaitu anak-anak haruslah memikul tanggungjawab ini dengan penuh kerelaan demi menjaga maruah keluarga dan bukannya membiarkan masalah penjagaan ibubapa

mereka dipikul oleh pihak lain seperti Jabatan Kebajikan masyarakat dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu yang berminat berbuat demikian.

Penutup

Di Malaysia kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi sejak lebih 30 tahun yang lalu telah memberikan impak yang besar terhadap negara dan masyarakat. Pendekatan yang baik haruslah dicari bagaimana penyelesaian masalah yang ditimbulkan oleh kadar pertumbuhan yang tinggi ini dapat diselesaikan. Selain daripada peruntukan yang lebih besar disediakan dalam bidang pendidikan kerajaan juga haruslah melihat masalah sosio-demografi itu daripada persepektif sesuatu kawasan. Isu yang utama bagaimana untuk memastikan setiap pelajar sekolah rendah menyambung pelajaran ke tingkatan satu.

Keciciran sewaktu dalam tingkatan satu hingga tiga akan menyebabkan pelajar-pelajar tersebut mudah terjebak dalam kes jenayah seperti yang banyak berlaku sekarang. Pelajar-pelajar yang terlibat tidak mempunyai sebarang kemahiran dan latihan. Dalam situasi ini kepastian mereka mendapat latihan dan pendidikan adalah amat penting bagi mengelak mereka melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Dalam aspek penjagaan orang tua keluarga mestilah mengambil tanggungjawab penting untuk menjaganya bukannya diserahkan kepada pihak lain. Sekiranya perlu satu rang undang-undang patut disediakan bagi memastikan penjagaan orang tua diuruskan dengan lebih teratur. Kemasukan pekerja asing haruslah diperiksa daripada masa ke masa untuk memastikan kedatangan mereka benar-benar memberi faedah kepada sector pekerjaan dan ekonomi Malaysia. Satu pananda aras atau petunjuk haruslah disediakan bagi mengkaji perkembangan daripada segi kualiti dan kuantiti pekerja asing tersebut. Ini penting agar kebanjiran mereka tidak akan menjejaskan peluang pekerja tempatan memperolehi pekerjaan di negara mereka sendiri.

RUJUKAN

Dwyer, D.J. (1987) New population policies in Malaysia and Singapore, **Geography**, 72: 248-249.

Hugo, G. (1993) Indonesian Labour Migration to Malaysia: Trends and Policy Implications, **Southeast Asian Journal of Social Science**, 21(1):36-70.

Jabatan Perangkaan Malaysia (1972) **Perangkaan Penting Malaysia Barat 1970**, Kuala Lumpur.

----- (1983) Laporan Am Banci Penduduk, Jilid 1, Kuala Lumpur.

----- (2001) **Siri Masa Perangkaan Penting Malaysia, 1963-1998**, Kuala Lumpur.

----- (2003) **Perangkaan Penting Malaysia 2003**, Kuala Lumpur.

----- (2005) **Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan**, Kuala Lumpur.

----- (2005a) **Bank Data Negeri/Daerah Malaysia 2005**, Kuala Lumpur.

Kliot, N (1995) Global Migration and Ethnicity: Contemporary case-studies. Dalam **Geographies of Global Change**, Johnston, R.J. et al. (Eds), Blackwell Publisher: 176-190.

Knodel, J dan Devavalya, N. (1992) Sosial and Economic Support Systems for the Elderly in Asia: An Introduction, **Asia-Pacific Population Journal**, 7(3): 5-12.

McCall, G. (1991) The Future of Migration in the Pacific and Asia, **International Migration Review**, 25 (3): 620-624.

Peggy Teo (1992) Is Institutionalization the Answer for the Elderly? The Case of Singapore, **Asia-Pacific Population Journal**, 7(1): 65-79.

Rystad, G. (1992) Immigration History and the Future of International Migration, **International Migration Review**, 26(4): 1168-1199.

Weiner, M (1990) Immigration: perspectives from receiving countries, **Third World Quarterly**, 12 (1): 140-165.

United Nations (1999) **World Population Prospects The 1998 Revision**, New York.

----- (2005) Report of the Global Commission on International Migration, **Population and Development Review**, 31(4): 787-798.